



31 Julai 2018
31 July 2018
P.U. (A) 181

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SKIM BAGI SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN DAN KEINSTITUSIAN) 2018

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT (SCHEME FOR COMMERCIAL, INDUSTRIAL AND INSTITUTIONAL SOLID WASTE) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN DAN KEINSTITUSIAN) 2018

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidakpakaian
3. Tafsiran
4. Jenis sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian
5. Kehendak yang berhubungan dengan aktiviti sementara

BAHAGIAN II

KEWAJIPAN PENGHASIL SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU
KEINSTITUSIAN ATAU ORANG YANG MEMILIKI SISA PEPEJAL KOMERSIAL,
PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN

6. Kewajipan untuk melantik pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan
7. Kewajipan yang berhubungan dengan pengendalian sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian
8. Kewajipan untuk mematuhi notis
9. Kewajipan untuk menyimpan rekod yang berhubungan dengan perkhidmatan pemungutan

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

Peraturan

10. Kewajipan yang berhubungan dengan cara mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan
11. Kewajipan yang berhubungan dengan kenderaan perkhidmatan pemungutan
12. Kewajipan yang berhubungan dengan tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian atau bahan larut resap
13. Kewajipan yang berhubungan dengan rekod

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI STESEN PEMINDAHAN

14. Kewajipan pemegang lesen bagi stesen pemindahan

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH

15. Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN

16. Kewajipan pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN DAN KEINSTITUSIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2018.

Ketidakpakaian

2. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa sisa pepejal komersial dan keinstitusian yang serupa dengan sifat dan amaun sisa pepejal isi rumah yang dihasilkan dalam mana-mana kawasan perkhidmatan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011 [P.U. (A) 307/2011].

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti sementara” ertinya apa-apa aktiviti komersial, perindustrian atau keinstitusian yang dijalankan secara sementara—

- (a) di dalam kawasan terbuka atau tertutup;
- (b) di dalam apa-apa kenderaan; atau
- (c) di bawah mana-mana bangsal atau struktur yang serupa atau di dalam mana-mana premis sementara yang lain;

“bekas” ertinya suatu bekas sisa pepejal individu atau bekas sisa komunal yang disediakan bagi sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;

“kawasan skim” ertinya kawasan geografi bagi skim untuk menjalankan perkhidmatan pengurusan bagi sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“kemudahan pengolahan dan pelupusan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011 [*P.U. (A) 302/2011*];

“kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011;

“orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian” ertinya orang yang mempunyai dalam milikannya apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian, dan termasuklah mana-mana pemunya atau penghuni mana-mana premis di mana sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dihasilkan;

“pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen untuk menguruskan atau mengendalikan kemudahan pengolahan dan pelupusan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011 [*P.U. (A) 304/2011*];

“pemegang lesen bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen untuk menguruskan atau mengendalikan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011;

“pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 [*P.U. (A) 180/2018*];

“pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan oleh Pengangkutan Jauh) 2011 [*P.U. (A) 305/2011*];

“pemegang lesen bagi stesen pemindahan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen untuk menguruskan atau mengendalikan suatu stesen pemindahan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011;

“penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian” ertinya mana-mana orang yang menghasilkan apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian, dan termasuklah mana-mana orang yang menghasilkan apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian semasa apa-apa aktiviti sementara;

“perkhidmatan pemungutan” ertinya perkhidmatan yang sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dipungut secara tetap atau berkala mengikut kawasan skim masing-masing dan mengikut jenis sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dari sesuatu tempat pemungutan dan dihantar ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;

“sisa pepejal baki” ertinya apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang tidak diguna semula, dikitar semula atau dikompos dan boleh diletakkan di dalam bekas;

“sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang boleh dikitar semula” ertinya apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diasingkan untuk dikitar semula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“sisa pepejal pukal” ertinya apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang bersaiz besar yang tidak boleh diletakkan di dalam bekas, dan termasuklah perkakasan, perabot, batang pokok, dahan dan tunggul;

“sisa pepejal taman” ertinya pokok, daun, tumbuhan menjalar, rumput atau akar yang melekat dengan tanah dari taman atau halaman mana-mana premis komersial, perindustrian atau keinstitusian atau apa-apa sisa pepejal lain yang serupa dari taman atau halaman mana-mana premis komersial, perindustrian atau keinstitusian;

“skim” ertinya sistem bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang menyatakan kewajipan dan obligasi pemegang lesen, penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal, kawasan geografi skim itu, jenis sisa pepejal yang dihasilkan dalam kawasan skim, dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang akan disediakan;

“stesen pemindahan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011;

“tapak penstoran” ertinya suatu tapak di mana-mana premis komersial, perindustrian atau keinstitusian atau tapak komunal bagi beberapa premis komersial, perindustrian atau keinstitusian yang terletak di dalam atau di luar premis itu di mana sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian, sama ada di dalam bekas atau tidak, distorkan sebelum dipungut;

“tempat pemungutan” ertinya—

- (a) suatu kedudukan di mana-mana premis komersial, perindustrian atau keinstitusian; atau
- (b) suatu kedudukan komunal bagi beberapa premis komersial, perindustrian atau keinstitusian,

yang terletak di dalam atau di luar premis itu bagi sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian diletakkan sebelum dipungut, sama ada di dalam bekas atau tidak, dan termasuklah tapak penstoran.

Jenis sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian

4. Jenis sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian adalah seperti yang berikut:

- (a) sisa pepejal baki;
- (b) sisa pepejal pukal;

- (c) sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian yang boleh dikitar semula; dan
- (d) sisa pepejal taman.

Kehendak yang berhubungan dengan aktiviti sementara

5. (1) Bagi maksud memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian yang wajar, mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti sementara hendaklah memberitahu Perbadanan mengenai hasrat itu tidak lewat dari empat belas hari sebelum memulakan aktiviti itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN II

**KEWAJIPAN PENGHASIL SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU
KEINSTITUSIAN ATAU ORANG YANG MEMILIKI SISA PEPEJAL KOMERSIAL,
PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN**

Kewajipan untuk melantik pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan

6. (1) Seseorang penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau seseorang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian hendaklah melantik seorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan mengikut kawasan skim dan jenis sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 4.

(2) Penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu hendaklah menyimpan rekod yang berhubungan dengan pelantikan pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan di bawah subperaturan (1).

(3) Mana-mana penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau mana-mana orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan yang berhubungan dengan pengendalian sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian

7. (1) Bagi maksud perkhidmatan pemungutan, seseorang penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau seseorang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian—

(a) hendaklah mengasingkan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian mengikut jenisnya sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 4;

(b) hendaklah memastikan bahawa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dipungut oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang dilantik di bawah subperaturan 6(1);

(c) berhubung dengan tempat pemungutan—

(i) hendaklah memastikan bahawa tempat pemungutan mempunyai akses langsung dan tidak terhalang dan terletak di tempat yang sesuai yang tidak menyebabkan apa-apa halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang; dan

- (ii) tidak boleh meletakkan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian di tempat pemungutan dengan cara yang menyebabkan atau boleh menyebabkan apa-apa halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang;

(d) berhubung dengan tapak penstoran—

- (i) hendaklah menjadikan tersedia suatu tapak penstoran bagi penstoran sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
- (ii) hendaklah memastikan bahawa tapak penstoran disenggarakan dalam keadaan yang baik bagi penstoran sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
- (iii) hendaklah memastikan bahawa tapak penstoran terletak di kawasan yang sesuai yang tidak menyebabkan apa-apa halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang, termasuk banjir, pembiakan serangga atau vektor roden atau penyebaran apa-apa penyakit;
- (iv) hendaklah memastikan bahawa tapak penstoran terletak di kawasan yang sesuai yang tidak mendedahkan tapak penstoran itu kepada pencemaran tanah, air bawah tanah atau air;
- (v) hendaklah memastikan bahawa amaun sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang distorkan di tapak penstoran tidak melebihi kapasiti tapak penstoran itu; dan

- (vi) hendaklah memastikan bahawa tapak penstoran tidak terletak di tempat awam; dan
- (e) berhubung dengan bekas—
 - (i) hendaklah menjadikan tersedia suatu bekas untuk meletakkan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
 - (ii) hendaklah memastikan bahawa bekas disenggara dalam keadaan yang baik untuk meletakkan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
 - (iii) hendaklah memastikan bahawa bekas diletakkan di kawasan yang sesuai yang tidak menyebabkan apa-apa halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang, termasuk pembiakan serangga atau vektor roden, atau penyebaran apa-apa penyakit;
 - (iv) hendaklah memastikan bahawa bekas diletakkan di kawasan yang sesuai yang tidak mendedahkan kawasan itu kepada pencemaran tanah, air bawah tanah atau air;
 - (v) hendaklah memastikan bahawa amaun sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diletakkan di dalam bekas tidak melebihi kapasiti bekas itu; dan
 - (vi) hendaklah memastikan bahawa bekas tidak diletakkan di tempat awam.

(2) Mana-mana penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau mana-mana orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan untuk mematuhi notis

8. (1) Sekiranya seseorang pegawai diberi kuasa berpendapat bahawa penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian tidak mematuhi subperaturan 7(1), pegawai diberi kuasa itu hendaklah menyampaikan kepada penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu suatu notis bertulis yang mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) perincian mengenai ketidakpatuhan terhadap subperaturan 7(1);
- (b) langkah-langkah yang akan diambil oleh penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu berkenaan dengan ketidakpatuhan itu; dan
- (c) tempoh bagi penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu untuk mengambil langkah-langkah yang disebut dalam perenggan (b).

(2) Penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang kepadanya notis bertulis itu telah disampaikan di bawah subperaturan (1) hendaklah mematuhi notis itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Mana-mana penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau mana-mana orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan untuk menyimpan rekod yang berhubungan dengan perkhidmatan pemungutan

9. (1) Seseorang penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau seseorang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian hendaklah menyimpan rekod bagi setiap perkhidmatan pemungutan yang diusahakan atau disediakan oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan.

(2) Rekod yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan kepada penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian di bawah subperaturan 13(1).

(3) Penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian hendaklah menyimpan rekod yang disebut dalam subperaturan (1) bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh rekod itu dikeluarkan dan hendaklah menjadikan tersedia rekod itu bagi pemeriksaan oleh pegawai diberi kuasa.

(4) Mana-mana penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau mana-mana orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang melanggar subperaturan (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

Kewajipan yang berhubungan dengan cara mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan

10. (1) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memungut sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian dari sesuatu tempat pemungutan dan tertakluk kepada subperaturan (2), menghantar sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan boleh menghantar sisa pepejal pukal atau sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang boleh dikitar semula atau sisa pepejal taman secara terus ke mana-mana kemudahan pengurusan sisa pepejal.

(3) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan mengikut cara yang dapat meminimumkan kacau ganggu kepada mana-mana orang.

(4) Mana-mana pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan yang berhubungan dengan kenderaan perkhidmatan pemungutan

11. (1) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan—

- (a) hendaklah memastikan bahawa lebar, beban gandar dan ciri-ciri lain yang berkaitan bagi kenderaan perkhidmatan pemungutan sesuai untuk memungut dan menghantar sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian mengikut jenis dan kapasitinya, yang dapat menghalang apa-apa tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap;

- (b) hendaklah menyenggarakan kenderaan perkhidmatan pemungutan mengikut cara yang dapat menghalang apa-apa tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap; dan
- (c) hendaklah tidak memuatkan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian di dalam kenderaan perkhidmatan pemungutan melebihi kapasiti kenderaan perkhidmatan pemungutan.

(2) Mana-mana pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan yang berhubungan dengan tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian dan keinstitusian atau bahan larut resap

12. (1) Dalam mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan, pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memastikan bahawa tiada tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap.

(2) Jika apa-apa tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap berlaku, pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah membersihkan kawasan tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap itu dengan serta-merta.

(3) Mana-mana pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1) atau (2), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kewajipan yang berhubungan dengan rekod

13. (1) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah mengeluarkan rekod kepada penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau

keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian bagi setiap perkhidmatan pemungutan yang diusahakan atau disediakan.

(2) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memastikan bahawa rekod yang disebut dalam subperaturan (1) mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) jenis dan amaun sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang dipungut;
- (b) tarikh dan masa pemungutan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
- (c) alamat tempat pemungutan;
- (d) alamat kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan atau kemudahan pengurusan sisa pepejal di mana sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dihantar, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (e) nama dan alamat penghasil sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau orang yang memiliki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian; dan
- (f) nama dan alamat pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan.

(3) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah menyimpan rekod yang diterima daripada pemegang lesen bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan yang dikeluarkan di bawah subperaturan 14(4) atau 16(5) atau daripada orang yang dilesenkan untuk menguruskan atau mengendalikan kemudahan pengurusan sisa pepejal, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang dihantar oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan itu.

(4) Perbadanan boleh menghendaki salinan rekod yang disebut dalam subperaturan (1) dan (3), atau apa-apa maklumat tambahan yang berhubungan dengan perkhidmatan pemungutan yang diusahakan atau disediakan oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan untuk dikemukakan kepada Perbadanan oleh pemegang lesen perkhidmatan pemungutan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

(5) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah menyimpan salinan rekod yang disebut dalam subperaturan (1) dan rekod yang disebut dalam subperaturan (3) bagi tempoh tujuh tahun daripada tarikh rekod itu dikeluarkan dan hendaklah menjadikan tersedia rekod itu untuk pemeriksaan oleh pegawai diberi kuasa.

(6) Mana-mana pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1), (2), (3), (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI STESEN PEMINDAHAN

Kewajipan pemegang lesen bagi stesen pemindahan

14. (1) Seseorang pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah memastikan bahawa stesen pemindahan beroperasi dalam kapasiti yang dinyatakan dalam lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011.

(2) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah hanya menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian daripada pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan bagi kawasan skim yang disediakan perkhidmatan oleh stesen pemindahan itu.

(3) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan tidak boleh menolak apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diterima menurut subperaturan (2).

(4) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah mengeluarkan suatu rekod kepada pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan apabila menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian di bawah subperaturan (2).

(5) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah memastikan bahawa rekod yang disebut dalam subperaturan (4) mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) jenis dan amaun sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diterima;
- (b) tarikh dan masa penerimaan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
- (c) kawasan skim;
- (d) nama dan alamat pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan; dan
- (e) alamat stesen pemindahan.

(6) Mana-mana pemegang lesen bagi stesen pemindahan yang melanggar subperaturan (2), (3), (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH

Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh

15. (1) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh hendaklah mengangkut sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian dari stesen pemindahan ke mana-mana kemudahan pengolahan dan

pelupusan seperti yang dinyatakan dalam lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan oleh Pengangkutan Jauh) 2011.

(2) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh hendaklah memastikan bahawa tiada tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap semasa pengangkutan.

(3) Jika apa-apa tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap berlaku, pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh hendaklah membersihkan kawasan tumpahan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian atau bahan larut resap itu dengan serta-merta.

(4) Pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh hendaklah menyimpan rekod yang diterima daripada pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan yang dikeluarkan di bawah subperaturan 16(5) bagi setiap pengangkutan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian.

(5) Mana-mana pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh yang melanggar subperaturan (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN

Kewajipan pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan

16. (1) Pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan hendaklah memastikan bahawa kemudahan pengolahan dan pelupusan beroperasi dalam kapasiti yang dinyatakan dalam lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011.

(2) Pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan hendaklah hanya menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang—

- (a) dihantar oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan; atau
- (b) diangkut oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh,

bagi kawasan skim yang disediakan perkhidmatan oleh kemudahan pengolahan dan pelupusan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan tidak boleh menolak apa-apa sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diterima menurut subperaturan (2).

(4) Apabila menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian menurut subperaturan (2), pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan—

- (a) hendaklah mengolah atau melupus sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian itu; dan
- (b) hendaklah melupuskan baki sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diolah itu,

mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011.

(5) Pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan hendaklah mengeluarkan suatu rekod kepada pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan atau pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh apabila menerima sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian menurut subperaturan (2).

(6) Pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan hendaklah memastikan bahawa rekod yang disebut dalam subperaturan (5) mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) jenis dan amaun sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian yang diterima;
- (b) tarikh dan masa penerimaan sisa pepejal komersial, perindustrian atau keinstitusian;
- (c) kawasan skim;
- (d) nama dan alamat pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan atau pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh; dan
- (e) alamat kemudahan pengolahan dan pelupusan.

(7) Mana-mana pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan yang melanggar subperaturan (2), (3), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 3]

KAWASAN SKIM

BAHAGIAN A: SENARAI KAWASAN SKIM


<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Keluasan (Km²)</i>
Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	JHJB01BW	188.1
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	JHJT01BW	720.1
	Majlis Daerah Pontian	JHPN01BW	931.2
	Majlis Perbandaran Kulai	JHKL01BW	745.5
	Majlis Daerah Kota Tinggi	JHKT01BW	3476.8
	Majlis Daerah Mersing	JHMS01BW	2862.7
	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	JHPG01BW	132.2
	Majlis Perbandaran Batu Pahat	JHBP01BW	897.5
	Majlis Daerah Yong Peng	JHYP01BW	1074.2
	Majlis Perbandaran Kluang	JHKG01BW	1865.1
	Majlis Daerah Simpang Renggam	JHSR01BW	1016.4
	Majlis Perbandaran Muar	JHMR01BW	1393.8
	Majlis Daerah Tangkak	JHTK01BW	983.9
	Majlis Daerah Segamat	JHSG01BW	1369.6
	Majlis Daerah Labis	JHLB01BW	1510.4
Melaka	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	MLMB01BW	249.4
	Majlis Perbandaran Alor Gajah	MLAG01BW	635.8

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Keluasan (Km²)</i>
	Majlis Perbandaran Jasin	MLJS01BW	638.5
	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	MLHT01BW	145.9
Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Seremban	NSSR01BW	956.1
	Majlis Perbandaran Port Dickson	NSPD01BW	576.0
	Majlis Perbandaran Nilai	NSNL01BW	956.1
	Majlis Daerah Rembau	NSRM01BW	404.6
	Majlis Daerah Jempol	NSJM01BW	1489.5
	Majlis Daerah Kuala Pilah	NSKP01BW	1034.9
	Majlis Daerah Tampin	NSTM01BW	857.4
	Majlis Daerah Jelebu	NSJL01BW	1365.2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	WPKL01BW	242.7
Wilayah Persekutuan Putrajaya	Perbadanan Putrajaya	PJPS01BW	49.1
Pahang	Majlis Daerah Cameron Highlands	PHCH01BW	684.7
	Majlis Daerah Lipis	PHKL01BW	5411.8
	Majlis Daerah Jerantut	PHJR01BW	7274.3
	Majlis Daerah Raub	PHRB01BW	2310.9
	Majlis Perbandaran Temerloh	PHTM01BW	2301.6
	Majlis Perbandaran Bentong	PHBT01BW	1840.3
	Majlis Daerah Rompin	PHRM01BW	5250.7
	Majlis Daerah Bera	PHBR01BW	2207.5


<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Keluasan (Km²)</i>
	Majlis Daerah Pekan	PHPK01BW	3754.0
	Majlis Daerah Maran	PHMR01BW	2000.6
	Majlis Perbandaran Kuantan	PHKT01BW	3055.9
Kedah	Majlis Daerah Kubang Pasu	KDKP01BW	951.9
	Majlis Daerah Padang Terap	KDPT01BW	1363.9
	Majlis Bandaraya Alor Setar	KDAS01BW	667.0
	Majlis Daerah Pendang	KDPD01BW	633.1
	Majlis Daerah Yan	KDYN01BW	243.0
	Majlis Daerah Baling	KDBL01BW	1550.9
	Majlis Daerah Sik	KDSK01BW	1663.7
	Majlis Perbandaran Sungai Petani	KDSP01BW	925.7
	Majlis Perbandaran Kulim	KDKL01BW	769.5
	Majlis Daerah Bandar Baharu	KDBB01BW	271.8
	Majlis Perbandaran Langkawi	KDLK01BW	472.8
	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	KDKL01ABW	241.9
Perlis	Majlis Perbandaran Kangar	PLKG01BW	818.1

BAHAGIAN B: PETA KAWASAN SKIM


PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI JOHOR




PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI MELAKA




PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI SEMBILAN




PETA KAWASAN SKIM BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR




PETA KAWASAN SKIM BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA




PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI PAHANG



PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI KEDAH



PETA KAWASAN SKIM BAGI NEGERI PERLIS



JADUAL KEDUA
[Peraturan 3]

SISA PEPEJAL KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN DAN KEINSTITUSIAN YANG BOLEH
DIKITAR SEMULA

Kertas

Kaca

Plastik

Kayu

Logam

Sisa pepejal taman

Reja makanan

Fabrik

Tayar

JADUAL KETIGA
[Subperaturan 10(1) dan 16(2)]

KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG DITETAPKAN

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	JHJB01BW	Stesen Pemindahan Taruka, PTB 19067, Jalan Datin Halimah, Jalan Taruka, Off Jalan Datin Halimah, 80350 Larkin, Johor (Latitud 1.4998, Longitud 103.7261)		Tambak Tanah Kebersihan Seelong (Latitud 1.6609, Longitud 103.7216)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	JHJT01BW	Stesen Pemindahan Taruka, PTB 19067, Jalan Datin Halimah, Jalan Taruka, Off Jalan Datin Halimah, 80350 Larkin, Johor (Latitud 1.4998, Longitud 103.7261)		Tambak Tanah Kebersihan Seelong (Latitud 1.6609, Longitud 103.7216)
	Majlis Daerah Pontian	JHPN01BW			Tambak Tanah Pekan Nenas (Latitud 1.532448, Longitud 103.518212)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Perbandaran Kulai	JHKL01BW			Tambak Tanah Kebersihan Seelong (Latitud 1.6609, Longitud 103.7216)
	Majlis Daerah Kota Tinggi	JHKT01BW			Tambak Tanah Batu Empat (Latitud 1.7742, Longitud 103.8623)
	Majlis Daerah Mersing	JHMS01BW			Tambak Tanah Jemaluang (Latitud 2.3813, Longitud 103.8719)
	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	JHPG01BW			Tambak Tanah Tg. Langsat (Latitud 1.4706, Longitud

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
					103.99257)
	Majlis Perbandaran Batu Pahat	JHBP01BW			Tambak Tanah Ladang CEP 1 (Latitud 1.8949, Longitud 103.3760)
	Majlis Daerah Yong Peng	JHYP01BW			Tambak Tanah Maokil (Latitud 2.42681, Longitud 103.05439)
	Majlis Perbandaran Kluang	JHKG01BW			Tambak Tanah Ladang CEP 1 (Latitud 1.8949, Longitud 103.3760)
	Majlis Daerah Simpang Renggam	JHSR01BW			Tambak Tanah Ladang CEP 1 (Latitud 1.8949, Longitud 103.3760)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Perbandaran Muar	JHMR01BW			Tambak Tanah Bukit Bakri (Latitud 2.0417, Longitud 102.6722)
	Majlis Daerah Tangkak	JHTK01BW			Tambak Tanah Jalan Bekoh (Latitud 2.3065, Longitud 102.5431)
	Majlis Daerah Segamat	JHSG01BW			Tambak Tanah Buloh Kasap (Latitud 2.5743, Longitud 102.8007)
	Majlis Daerah Labis	JHLB01BW			Tambak Tanah Maokil (Latitud 2.42681, Longitud 103.05439)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
Melaka	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	MLMB01BW			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang (Latitud 2.3004, Longitud 102.1561)
	Majlis Perbandaran Alor Gajah	MLAG01BW			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang (Latitud 2.3004, Longitud 102.1561)
	Majlis Perbandaran Jasin	MLJS01BW			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang (Latitud 2.3004, Longitud 102.1561)
	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	MLHT01BW			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
					(Latitud 2.3004, Longitud 102.1561)
Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Seremban	NSSR01BW			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah (Latitud 2.66019, Longitud 101.82)
	Majlis Perbandaran Port Dickson	NSPD01BW			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah (Latitud 2.66019, Longitud 101.82)
	Majlis Perbandaran Nilai	NSNL01BW			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah (Latitud

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
					2.66019, Longitud 101.82)
	Majlis Daerah Rembau	NSRM01BW			Tambak Tanah Ulu Maasop (Latitud 2.6881, Longitud 102.2505)
	Majlis Daerah Jempol	NSJM01BW			Tambak Tanah Kok Foh (Latitud 2.7495, Longitud 102.4965)
	Majlis Daerah Kuala Pilah	NSKP01BW			Tambak Tanah Ulu Maasop (Latitud 2.6881, Longitud 102.2505)
	Majlis Daerah Tampin	NSTM01BW			Tambak Tanah Kok Foh (Latitud 2.7495, Longitud

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
					102.4965)
	Majlis Daerah Jelevu	NSJL01BW			Tambak Tanah Sg. Muntuh (Latitud 3.0148, Longitud 102.0700)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	WPKL01BW	Stesen Pemindahan Taman Beringin (Latitud 3.2291, Longitud 101.6592)		Tambak Tanah Kebersihan Bukit Tagar (Latitud 3.500, Longitud 101.47)
Wilayah Persekutuan Putrajaya	Perbadanan Putrajaya	PJPS01BW			Tambak Tanah Kebersihan Tanjung 12 (Latitud 2.7294, Longitud 101.6071)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
Pahang	Majlis Daerah Cameron Highlands	PHCH01BW		Insinerator Cameron Highlands, Blue Valley Ulu Terlom (Latitud 4.584500, Longitud 101.408100)	Tambak Tanah Blue Valley (Latitud 4.5845, Longitud 101.4081)
	Majlis Daerah Lipis	PHKL01BW			Tambak Tanah Lipis (Latitud 4.1799, Longitud 102.0202)
	Majlis Daerah Jerantut	PHJR01BW			Tambak Tanah Jengka 10 (Latitud 3.8356, Longitud 102.5693)
	Majlis Daerah Raub	PHRB01BW			Tambak Tanah Padang Sertik (Latitud 3.47671, Longitud 102.00129)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Perbandaran Temerloh	PHTM01BW			Tambak Tanah Belenggu (Latitud 3.37750, Longitud 102.35700)
	Majlis Perbandaran Betong	PHBT01BW			Tambak Tanah Padang Sertik (Latitud 3.47671, Longitud 102.00129)
	Majlis Daerah Rompin	PHRM01BW		Insinerator Pulau Tioman, Kg. Tekek, Mukim Tioman (Latitud 2.82687, Longitud 104.1658)	Tambak Tanah Kg. Feri (Latitud 2.77099, Longitud 103.49142)
					Tambak Tanah Muadzam (Latitud 3.0972, Longitud 103.0543)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Daerah Bera	PHBR01BW			Tambak Tanah Belunggu (Latitud 3.37750, Longitud 102.35700)
	Majlis Daerah Pekan	PHPK01BW			Tambak Tanah Keledang (Latitud 3.4483, Longitud 103.4208)
	Majlis Daerah Maran	PHMR01BW			Tambak Tanah Jengka 10 (Latitud 3.8356, Longitud 102.5693)
	Majlis Perbandaran Kuantan	PHKT01BW			Tambak Tanah Jerangau-Jabor (Latitud 3.9469, Longitud 103.3528)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
Kedah	Majlis Daerah Kubang Pasu	KDKP01BW			Tambak Tanah Paya Kemuning (Latitud 6.31503, Longitud 100.41622)
	Majlis Daerah Padang Terap	KDPT01BW			Tambak Tanah Jabi (Latitud 6.1552, Longitud 100.4899)
	Majlis Bandaraya Alor Setar	KDAS01BW			Tambak Tanah Jabi (Latitud 6.1552, Longitud 100.4899)
	Majlis Daerah Pendang	KDPD01BW			Tambak Tanah Jalan Tok Sedau (Latitude 5.97577, Longitude 100.56372)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Daerah Yan	KDYN01BW			Tambak Tanah Semeling (Latitud 5.734401, Longitud 100.495671)
	Majlis Daerah Baling	KDBL01BW			Tambak Tanah Pulai (Latitud 5.6484, Longitud 100.88683)
	Majlis Dearah Sik	KDSK01BW			Tambak Tanah Semeling (Latitud 5.734401, Longitud 100.495671)
	Majlis Perbandaran Sungai Petani	KDSP01BW			Tambak Tanah Semeling (Latitud 5.734401, Longitud 100.495671)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
	Majlis Perbandaran Kulim	KDKL01BW			Tambak Tanah Padang Cina (Latitud 5.4151, Longitud 100.6208)
	Majlis Daerah Bandar Baharu	KDBB01BW			Tambak Tanah Padang Cina (Latitud 5.4151, Longitud 100.6208)
	Majlis Perbandaran Langkawi	KDLK01BW		Insinerator Pulau Langkawi, Kg. Belanga Pechah, Bandar Kuah (Latitud 6.395500, Longitud 99.857800)	Tambak Tanah Belanga Pechah (Latitud 6.394911, Longitud 99.859)
	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech	KDKL01ABW			Tambak Tanah Padang Cina (Latitud 5.4151, Longitud 100.6208)

<i>Negeri</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Nama Kawasan Skim</i>	<i>Destinasi bagi Sisa Pepejal Baki</i>		
			<i>Stesen Pemindahan</i>	<i>Kemudahan Pengolahan</i>	<i>Kemudahan Pelupusan</i>
